



25 FEB, 2026

Sewa kediaman, premis niaga lombong duit kripto

Harian Metro, Malaysia



Sewa kediaman, premis niaga lombong duit kripto

Kuala Lumpur: Menggunakan kediaman atau premis perniagaan disewa dikenal pasti antara kaedah digunakan sindiket melombong mata wang kripto haram untuk berselindung daripada pihak berkuasa.

Mendedahkan perkara itu, **Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof** berkata, modus operandi terbabit dikenal pasti menerusi operasi penguatkuasaan bersepadu bagi membanteras aktiviti kecurian elektrik.

Beliau berkata, sebanyak 1,900 kes kecurian elektrik dikenal pasti berlaku sepanjang tahun lalu, diikuti 2024 (1,298 kes); 2023 (909 kes); 2022 (647 kes) dan 2021 (379), membabitkan kerugian bernilai RM41 juta.

“Pengesanan aktiviti kecurian elektrik dibuat melalui pemasangan *Distribution Transformer Meter* (DTM) dan meter pintar, selain penggunaan teknologi dron dan peranti ter-

“Tindakan agresif dengan pemantauan berkesan (menyebabkan) tindakan tegas dapat diambil, tetapi lebih utama ialah memberi kesedaran dalam kalangan pengguna”

Fadillah

mal pegang.

“Menerusi tindakan progresif melalui penggunaan teknologi ini membolehkan kita mengesan (aktiviti kecurian elektrik) menyebabkan tindakan lebih efektif dapat dilakukan dengan kerjasama semua penguat kuasa.

“Tindakan agresif dengan pemantauan berkesan (menyebabkan) tindakan tegas dapat diambil, tetapi lebih utama ialah



memberi kesedaran dalam kalangan pengguna,” katanya pada sesi lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Abdul Khalib Abdullah (PN-Rompin)** berkenaan keberkesanan serbuan ke atas sindiket melombong mata wang kripto haram berdasarkan data waktu nyata.

Sementara itu, Fadillah berkata, kegagalan menu-

karkan meter kepada penyewa dikenal pasti antara punca pemilik rumah dan premis perniagaan menjadi mangsa sindiket melombong mata wang kripto haram.

Beliau berkata, ini sekali gus menyebabkan ada pemilik rumah dan premis perniagaan terpaksa menanggung kerugian, selain mendedahkan terdapat bil utiliti tertunggak bernilai ratusan ribu ringgit.

“Justeru, perkara lebih utama ialah memberi kesedaran dalam kalangan pengguna, terutama apabila pemilik rumah atau premis perniagaan tidak menukarkan meter kepada penyewa dan sering menjadi mangsa.

“Kini kami sedang memberi kesedaran untuk memastikan (pemilik) tukar nama (meter) kepada penyewa. Kesedaran ini perlu diberikan supaya pemilik tidak menjadi mangsa (aktiviti kecurian elektrik),” katanya.